



Ruj Kami : KUIM/AKA/PENT/13
Tarikh : 30 Ogos 2018

Kepada:
Graduan,
Kolej Universiti Islam Melaka

Saudara / saudari,

ISTIADAT KONVOKESYEN KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA KE-22

Dengan hormatnya saya bagi pihak Ahli Lembaga Pengarah KUIM dan semua warga KUIM mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan saudara/saudari menamatkan pengajian dan dianugerahkan Ijazah Sarjana / Ijazah Sarjana Muda / Diploma oleh Kolej Universiti.

2. Sehubungan itu, Istiadat Konvokesyen kali ke 22 KUIM akan diadakan pada **29 & 30 September 2018 (Sabtu & Ahad) di Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh 75450 Melaka.**

3. Oleh yang demikian, saudara/saudari diminta mengambil perhatian ke atas perkara-perkara berikut:-

- i. Menyemak maklumat pengambilan jubah, peraturan pakaian dan sebagainya di **Keterangan Istiadat Konvokesyen**. Maklumat tersebut juga boleh dicetak sebagai panduan.
- ii. Membuat semakan status hutang kepada Kolej Universiti untuk mengelakkan sebarang masalah menghadiri Istiadat Konvokesyen dan juga mengambil skrol kelak.
- iii. Mengisi Kajian Pengesanan Graduan di alamat <http://graduan.moe.gov.my/v/> mulai **14 September 2018**. Kajian Pengesanan Graduan ini **WAJIB** diisi sama ada saudara/i hadir atau tidak hadir Istiadat Konvokesyen. Sila cetak dan bawa bersama Slip Kajian Pengesanan Graduan tersebut semasa mengambil jubah.
- iv. Mengesahkan kehadiran saudara/i ke Istiadat Konvokesyen ini dipautan <https://goo.gl/forms/F2QFp4dBSEVIJaN93> sebelum **21 September 2018**.
- v. Sila dapatkan Kad Undangan Istiadat Konvokesyen daripada Pembantu Tadbir fakulti masing-masing. Kad undangan ini **WAJIB** dibawa oleh ibu bapa saudara/i sebagai pas masuk ke dalam dewan Istiadat Konvokesyen.

Sekian, terima kasih.

"MELAKA BERWIBAWA"

"PINTAR, HIJAU, BERSIH"

"WASATIYYAH, BERILMU, BERINTEGRASI"

Saya yang menurut perintah,

(PROF. DATUK DR. HJ. MOHD. TAIB BIN HAJI DORA)

Naib Canselor, Kolej Universiti Islam Melaka